



Anwar pada Majlis Peluncuran Buku 'Rethinking Ourselves: Justice, Reform and Ignorance in Postnormal Times' di Bukit Jalil, semalam. Anwar mengumumkan akan menderma setiap keuntungan royalti penjualan buku itu kepada pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan. (Foto Raihana Mansor/BH)

## PM sudah ada senarai individu sesuai isi kekosongan jawatan dalam Kabinet

**Bukit Jalil:** "Saya sudah fikirkan beberapa individu yang sesuai untuk dilantik mengisi kekosongan dalam Kabinet, tetapi senarai berkenaan belum dimuktamadkan," kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tanpa menamakan mana-mana individu, Perdana Menteri berkata, senarai itu akan dirujuk kepada ketua parti politik yang membentuk Kerajaan MADANI sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

"Biarpun pelantikan ini adalah prerogatif Perdana Menteri, namun saya berpandangan perlu

renung dan mendengar (nasihat ketua parti), selain berterima kasih atas pendapat mereka.

"Setakat ini, saya belum bertemu mana-mana ketua parti untuk membincangkan perihal ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku *Rethinking Ourselves: Justice, Reform and Ignorance in Postnormal Times*, semalam.

Selain Anwar diiringi isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pelancaran buku itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Hadir sama, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli serta Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Dzulkifli Hasan.'

Mengulas gesaan MCA supaya Fadhlina digugurkan daripada Kabinet, Perdana Menteri berkata, beliau berterima kasih atas cadangan itu.

"Terima kasih atas pandangan MCA, tetapi tidak mengapa kerana ini (gesaan menggugurkan Fadhlina daripada Kabinet) pandangan mereka," katanya.